

CNS4447

U GB 14-03 00169 BA188

Aab

Mahathir - Air '''

IPOH, 14 Mac (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan peruntukan \$250 juta kepada Melaka untuk mengatasi masalah kekurangan air di negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, bantuan itu untuk membolehkan kerajaan Melaka mengambil langkah jangka panjang mengatasi kekurangan air itu membabitkan pembinaan saluran paip dari Sungai Muar ke empangan Durian Tunggal.

Kabinet juga meluluskan bantuan \$24 juta bagi kerajaan negeri Melaka mengambil langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah itu dengan menggali sebuah kolam menakung air, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) Cawangan Perak, di Enggor, Kuala Kangsar kira-kira 60km dari sini.

Kerajaan Melaka pula menyediakan peruntukan \$10 juta bagi projek menggali kolam itu, tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kabinet juga memutuskan supaya diumumkan laporan penyiasatan terhadap Empangan Durian Tunggal yang dibuat oleh kerajaan Melaka, berikutan kehilangan simpanan air di empangan itu. --  
Lagi.

♥14/03/16-42MST

CNS4481

U GB 14-03 00131 BA194

Bah

Mahathir - Air 2 Ipoh

Mengenai cadangan kerajaan persekutuan untuk mengambil alih bekalan air daripada negeri-negeri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita belum mendapat sokongan daripada semua negeri.+

Sebelum ini dilaporkan beberapa buah negeri telah menyatakan sokongan terhadap cadangan itu tetapi mereka mahu cadangan itu dibincangkan lebih lanjut antara kedua-dua belah pihak.

Perdana Menteri berkata, neger-negeri yang tidak mempunyai bekalan air yang banyak menyokong cadangan itu tetapi negeri-negeri yang mempunyai bekalan air yang besar, nampaknya tidak menyokongnya.

Beliau menjelaskan bahawa melalui cadangan itu kerajaan persekutuan tidak berniat untuk menyimpan segala keuntungan yang diperolehi daripada bekalan air itu.

+Segala keuntungan akan diambil kira dan diberi balik kepada negeri-negeri yang membekalkan air kepada negeri lain,+ kata beliau. --  
Lagi.

♥14/03/17-05MST

CNS4493

U GB 14-03 00138 BA197

Bah

Mahathir - Air 3 Ipoh

Sebenarnya, kata beliau lagi, perkhidmatan bekalan air tidak mendatangkan keuntungan yang banyak jika diambil kira kos pembinaan empangan dan kos lain.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan tujuan utama cadangan kerajaan persekutuan itu ialah menyalurkan bekalan air untuk memastikan semua negeri mendapat bekalan air yang secukupnya.

Mengenai perusahaan kraftangan, Perdana Menteri berkata kerajaan melalui PKKM bercadang untuk menubuhkan sebuah kilang pelbagai guna, sebagai sebuah model cara baru untuk mengeluarkan barangan kraftangan secara yang menguntungkan.

Pelbagai jenis industri kraftangan boleh dijalankan di kilang itu oleh para pengusaha yang berminat dengan menyediakan modal dan pekerja mereka sendiri, katanya.

Kilang berkenaan akan menyediakan bekalan bahan-bahan mentah yang bermutu untuk pengusaha berkenaan dan membantu mereka memasarkan barangan di luar negeri, katanya lagi. -- Lagi.

♥14/03/17-12MST

CNS4540

U GG 14-03 00213 BA204

Aab

Mahathir - Air 4 Ipoh

Sebuah badan boleh dibentuk untuk menguruskan kilang berkenaan dan para pengusaha terbabit dikehendaki membayar perkhidmatan pemasaran hasil barangan mereka serta bahan-bahan mentah yang bermutu yang disediakan, tambah beliau.

Apabila ditanya bila dan di mana kilang berkenaan akan dibina, beliau berkata: +PKKM boleh melaksanakannya pada bila-bila masa sahaja dan di mana-mana. Apa yang perlu ialah kita hendak menentukan ada pengusaha tulen dan pekerja-pekerja.+

PKKM juga bersedia memberi tunjuk ajar dalam selok-belok perusahaan kraftangan kepada pengusaha yang berminat, kata Datuk Seri Dr Mahathir. Ketika merasmikan kompleks latihan dan pengeluaran PKKM Cawangan Perak, Perdana Menteri menegaskan bahawa para pengeluar kraftangan bersedia menerima cara moden untuk menghasilkan kraftangan.

Pembuatan kraftangan secara sambilan di bawah rumah mesti digantikan dengan pengeluaran secara besar-besaran yang bukan sahaja membolehkan kawalan mutu tetapi juga memastikan jumlah dan tempoh pengeluaran dapat memenuhi tempahan, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri yang diiringi oleh Datuk Paduka Datin Seri Dr Siti Hasmah kemudian melawat bengkel pengeluaran dan latihan serta pameran hasil kraftangan di situ selama lebih satu jam.

Selepas itu beliau mengambil kesempatan untuk melawat kilang kicap Salmi Haji Tamin, yang terletak di hadapan kompleks PKKM sebelum berlepas pulang ke ibu negara. -- Bernama.

♥14/03/17-50MST